

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]**  
**TARIKH** : **11.6.2014**  
**SOALAN** :

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan kajian menyeluruh terhadap keberkesanan pelaksanaan program j-Qaf dan apakah status terkini setelah ada ura-ura program ini akan dimansuhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan beberapa kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF antaranya:

- a. Kajian Impak Program j-QAF oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan pada tahun 2011 . Dapatan kajian tersebut mendapati pelaksanaan Program j-QAF mampu meningkatkan penguasaan murid dalam tilawah Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Solat.
- b. Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi Institut Islam Hadhari sedang menjalankan kajian di bawah Projek Penyelidikan Perneriksaan Program j-QAF Dalam Transformasi Sistem Pendidikan Islam Malaysia: Pengurusan, Pelaksanaan, Keberkesanan. Kajian tersebut telah memasuki fasa kedua pada tahun ini.

**KPM tidak bercadang untuk memansuhkan Program j-QAF yang telah dilaksanakan sejak tahun 2005.** Bahkan pada masa sekarang, KPM sedang giat melaksanakan aktiviti untuk memantapkan pelaksanaan Program j-QAF di sekolah – sekolah rendah. KPM juga merancang dan bercadang akan terus melaksanakan program memperkasa Pendidikan Islam yang bersesuaian sebagai kesinambungan kepada Program j-QAF di peringkat sekolah menengah.

Rjm48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID  
BIN IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah teknologi inovatif, mesra alam, minimum pencemaran, kos berpatutan yang tidak membebankan rakyat yang akan dilaksanakan bagi pelupusan sisa pepejal di Malaysia khususnya di Lembah Klang memandangkan pembukaan tapak pelupusan baru bukan lagi penyelesaian jangka panjang yang lestari akibat saingan untuk tujuan lain sedangkan tanah terhad.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai pembukaan tapak pelupusan baru bukan lagi penyelesaian jangka panjang yang lestari untuk menangani masalah pelupusan sisa pepejal. Malah, memang dasar Kerajaan sejak 1991 melalui Pelan Jangka Panjang *Outline Perspective Plan 2 (OPP2) (1991-2010)* untuk pelbagaikan kaedah merawat dan melupuskan sisa pepejal dengan mengambilkira teknologi semasa yang mesra alam dan kos efektif. OPP2 jelas menyatakan bahawa Kerajaan akan menggunakan satu dasar yang menyeluruh termasuk membina insinerator bagi melupus sisa pepejal secara selamat dan berkesan.

Peredaran masa sejak 1991 telah menyaksikan perkembangan pelbagai teknologi yang inovatif, mesra alam, minimum pencemaran dengan kos yang berpatutan yang merangkumi bukan sahaja insinerator tetapi pelbagai teknologi lain seperti *pyrolysis*, *gasifikasi*, *anaerobik digester* dan *material recovery facility (MRF)* digunakan bagi melupus sisa pepejal.

Dalam hal ini, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Pengurusan Sisa Pepejal 2005 (NSP 2005) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005 telah mencadangkan pembinaan stesen pemindahan, MRF dan loji rawatan termal disamping tapak pelupusan sanitari sebagai kaedah-kaedah rawatan dan pelupusan yang sesuai.

Bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal di Lembah Klang khususnya di Kuala Lumpur, Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah loji *waste to energy* (WTE) atau sisa kepada tenaga di Kepong dengan kapasiti merawat sisa pepejal sebanyak 1,000 tan sehari. Kerajaan akan memastikan supaya teknologi yang akan digunakan kelak adalah teknologi yang telah terbukti, mesra alam dan kos efektif. Bagi merealisasikan supaya teknologi yang akan digunakan kelak tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar serta kos efektif maka pemilihan teknologi akan dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa melalui pendekatan PFI. Kerajaan juga akan memastikan supaya pembinaan Loji tersebut akan dimulakan selepas Kajian Terperinci Penilaian Impak Alam Sekitar (DEIA) diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selain daripada perancangan di atas, Kementerian juga dalam proses untuk melaksanakan sebuah projek perintis selama 6 tahun berasaskan pendekatan strategi lautan biru yang memberi manfaat kepada dua agensi iaitu KPKT dan KETTHA yang melibatkan pengurusan sisa makanan dan enapcemar (sludge). Projek ini akan menggunakan kemudahan anaerobic digester (AD) sedia ada di loji rawatan kumbahan Sungai Besi yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium (IWK) bagi merawat sebanyak 30 tan sehari sisa makanan dan enapcemar daripada loji rawatan kumbahan untuk menghasilkan biogas yang boleh dikomersialkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014